

# 1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Encik Ali Umar dari Melaka, telah bertanya:

Seseorang itu sekali sekala ingin makan

angin untuk menghibur-hiburkan hatinya setelah penat bekerja misalnya dengan mengadakan *picnic* ke tepi laut mandi-mandi berpakaian mandi yang biasa dipakai oleh orang-orang Eropah dan bercampur gaul antara lelaki dengan perempuan, apakah hukumnya menghiburkan hati yang demikian dalam Islam?

Jawapannya:

Menghiburkan hati seperti makan angin untuk menikmati udara tepi laut atau mandi-mandi di laut terutamanya dilakukan setelah penat bekerja itu pada asalnya hukumnya harus, tidak ada halangan apa-apa dengan syarat jangan sertakan dengan perkara-perkara yang mendatangkan maksiat seperti; mendedahkan aurat, berkelakuan yang kurang sopan atau mendatangkan fitnah ataupun bergaul antara lelaki dengan perempuan.

Jika makan angin dan mandi-mandi itu disertakan dengan perkara-perkara maksiat, adalah ditegah oleh syarak dan haram hukumnya – walaupun di dalamnya mengandungi faedah yang besar kerana dapat mengembalikan kesegaran fikiran dan dapat pula mengembalikan tenaga untuk lebih giat

lagi bekerja selepas makan angin menghibur-hiburkan hati itu. Ini berdasarkan dengan kaedah agama yang berbunyi “*dar’u al-mafāsīd muqaddam ‘alā jalbi al-maṣālih*” Ertinya; “menolak perkara yang mendatangkan malapetaka itu hendaklah didahulukan daripada menarik perkara yang mendatangkan faedah”. Kerana tidak syak lagi tiap-tiap perkara maksiat itu ada bahayanya dan mengandungi malapetaka.

\* \* \*

Encik Abdul Syukur Muhammad, Teluk Anson bertanya:

Apa hukumnya dalam Islam, perbuatan sesetengah-sesetengah pihak yang mengadakan peraduan ratu cantik ratu kebaya dan seumpamanya? Dan mengadakan sambutan kepada orang-orang luar negeri di lapangan terbang atau pelabuhan yang dilakukan oleh kaum wanita kita dengan mengalungkan karangan-karangan bunga ke leher mereka sebagai menghormati mereka untuk menarik pelancong-pelancong luar negeri datang ke negeri kita?

Jawapannya:

Mengadakan peraduan-peraduan seperti itu dan sambutan-sambutan yang begitu coraknya sama sekali tidak diakui kebaikannya oleh Islam. Kerana bukan sahaja mengandungi bencana yang besar, bahkan berlawanan dengan adab kesopanan yang baik. Betapa tidak, kerana selain mendedahkan tubuh badan yang wajib ditutup, juga menghilangkan sifat malu yang menjadi sebaik-baik perhiasan kaum wanita.

Nabi (S.A.W) telah mengancam kepada orang-orang yang tidak bermalu itu akan menjadi orang yang lepas laku,

segala perbuatannya tidak ada pantang larangnya lagi –  
sebagaimana sabdanya; “*idhā lam tastih fa isna ‘ mā shi ‘ta*”  
Ertinya; “Jika engkau tidak bermalu, buatlah apa yang  
engkau suka.”

Inilah rupanya kemajuan dari barat yang sangat-sangat  
berlawanan dengan ajaran Islam itu telah ditiru dan  
di import sebebaskan-bebas tanpa ada sebarang sekatan –  
malah digalakkan oleh setengah-setengah pihak yang tertentu.

Agama Islam telah lahir ke dunia ini sepatutnya  
disyukuri kerana telah memberi taraf yang terhormat kepada  
kaum wanita dengan pengajaran-pengajarannya dan membela mereka dengan  
peraturan-peraturannya – bukan dilahirkan untuk memperagakan  
tubuh badan kaum wanita dan menjadikan permainan nafsu  
yang akan mengembalikan darjat mereka seperti zaman jahiliah  
dahulu.

\* \* \*

Encik Maimunah Binti Ali, dari Kuala Lumpur,  
telah bertanya:

Saya salah seorang pembuat pakaian wanita.  
Setengah-setengah pakaian yang saya buat itu fesyennya sangat  
memberahikan bila dipakai oleh kaum wanita, kerana  
selain bahan-bahannya dari jenis kain-kain yang jarang,  
juga menampakkan sebahagian tubuh orang yang memakainya.  
Apakah hukumnya saya membuat pakaian-pakaian tersebut  
dalam pandangan Islam?

Jawapannya:

Membuat pakaian wanita walau bagaimanapun fesyennya –

pada umumnya – hukumnya adalah harus. Hal ini  
mengingat sekiranya pakaian itu dipakai dalam keadaan-keadaan  
yang diharuskan pemakaiannya; seperti untuk dipakainya  
di rumah, atau untuk diperlihatkan kepada suaminya semasa  
berdua-duaan sahaja.

Tetapi jika digunakan sengaja untuk  
dipertunjukkan kepada lelaki yang ajnabi supaya memberahikan  
mereka – baik di dalam rumah atau di luar rumah – maka  
pakaian yang seperti itu adalah haram. Dan orang yang  
membuatnya pula jika sengaja membuatnya untuk digunakan  
dalam jurusan maksiat dia akan berdosa.

\* \* \*

Encik Bujang Bin Atan, dari Ipoh bertanya:

Saya salah seorang penggemar lumba kuda dan  
kerap menontonnya, tetapi kadang-kadang saya ikut bertaruh  
dalam peraduan itu. Kemudian saya dengar dari setengah-setengah  
kawan mengatakan perbuatan saya itu haram. Adakah benar  
katanya itu mengikut hukum syarak?

Jawapannya:

Peraduan lumba kuda hukumnya di dalam Islam  
adalah harus jika tidak ada di dalamnya pertaruhan.  
Dan pemenang dari penunggang-penunggang yang beradu dalam lumba kuda  
itu boleh pula menerima hadiah yang bukan dari taruhan.

Adapun perbuatan saudara menonton peraduan  
itu adalah harus, tetapi ikut bertaruh adalah  
haram kerana perbuatan itu judi namanya.